

[FOTO GHAZALIKORI/BH]



Untuk
video layari
www.bharian.com.my

6/1/17
BH

Ghazali menyediakan tempat selamat untuk kambing miliknya di Kampung Lenjang, Kuala Berang.

Tidur bersama 35 kambing

Kuala Berang: Dua rakan sanggup berkorban tidur bersama 35 kambing peliharaan mereka dan membina 'pusat pemindahan sementara' untuk ternakan itu selepas kandang haiwan berkenaan ditenggelami air di Kampung Lenjang, di sini.

Malah, mereka tekad terus menginap di khemah buatan sendiri selagi air belum benar-benar pulih berikutan bimbang haiwan terbabit mati kesejukan.

Pengembala, Ghazali Ahmad, 59, berkata dia dan rakannya, Zambri Abd Razak, 58, tidur

bersama kambing peliharaannya sejak Selasa lalu selepas kandang haiwan terbabit ditenggelami air hampir satu meter.

Katanya, ketika itu dia bersama rakannya berada di Kuala Terengganu sebelum menerima panggilan mengatakan kampung terbabit dinaiki air kira-kira jam 2 petang.

Selamat semua kambing

"Sebaik menerima panggilan, kami bergegas pulang ke Hulu Terengganu bagi menyelamatkan semua kambing kami. Sebaik tiba saya mendapati peli-

haraan kami sudah hampir ditenggelami air.

"Dalam perjalanan pulang itu, kami membeli segala keperluan seperti makanan dan kanvas untuk membina 'pusat pemindahan sementara' kepada haiwan ini dan kami tidur dalam kereta," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tinjauan BH di lokasi itu juga mendapati kandang masih ditenggelami air, tetapi Ghazali berkata, mereka sudah mengambil keputusan untuk terus menjaga kambing berkenaan sehingga keadaan benar-benar pulih.

"Kami berdua terpaksa mengambil risiko kerana kambing ini baka berkualiti dan mempunyai nilai tinggi di pasaran.

"Bagaimanapun, jika keadaan banjir semakin serius kami akan memindahkan semua kambing ini ke tempat lebih tinggi dan selamat.

"Kambing ini dipelihara untuk dijadikan baka dan dijual kepada orang ramai, terutamanya pada Aidiladha. Kami berdua menternak semua haiwan ini sejak awal tahun lalu selepas ternakan sebelum ini habis dijual," katanya.